buletin Selayangku Sayang

DITERBITKAN OLEH
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG
NASKHAH PERCUMA

EDISI
JANUARI 2025
01/2025



AMANAT TAHUN BAHARU




MENARIK DI DALAM...



3
Perhimpunan Bulanan Dan Amanat Tahun Baharu



4
Majlis Clock Out Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor



8
MPS Tegas Banteras Jualan Mercun Tanpa Permit

DARI MEJA

YANG DIPERTUA

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,

Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada semua pengunjung kerana sudi melayari Buletin Selayangku Sayang Bil. 1/2025 di dalam portal MPS.

Selaras dengan perkembangan semasa yang menekankan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam urusan harian, MPS komited untuk menerbitkan buletin ini dalam format digital yang lebih mesra pengguna bagi memudahkan capaian dan penyampaian maklumat.

Sepanjang bulan Januari 2025, pelbagai program dan inisiatif telah dijalankan oleh MPS merangkumi aspek kebersihan, kesihatan awam, kemasyarakatan, kelestarian alam sekitar serta penguatkuasaan. Kesemua usaha ini mencerminkan komitmen berterusan MPS dalam mendekati komuniti, meningkatkan taraf hidup penduduk serta menjadikan Selayang sebagai sebuah bandar yang mampan dan sejahtera.

Akhir sekali, Saya berharap penerbitan ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca, khususnya dalam menyampaikan maklumat berkaitan pelaksanaan program, dasar serta aktiviti semasa Majlis Perbandaran Selayang kepada masyarakat secara menyeluruh.



(TUAN SHAHMAN BIN JALALUDIN)
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Selayang

BIL 1/2025 Januari
mpselayang

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT
YBrs. Tuan Shahman bin Jalaludin
ydp@mps.gov.my

YBRs. Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi
tydp@mps.gov.my

KETUA PENGARANG
En. Mohamad Zin bin Masoad
mzin.masoad@mps.gov.my

PENOLONG KETUA PENGARANG
En. Ahmad Fauzi bin Ishak
ahmadfauzi.ishak@mps.gov.my

PENGARANG
Pn. Norhatikah Nabila binti Masri
norhatikahnabila.masri@mps.gov.my
Pn. Norhasliza binti Hassan
norhasliza.hassan@mps.gov.my

PEREKA LETAK
En. Mohd Afzairis bin Naseri
mafzairis.naseri@mps.gov.my
Cik Nurshahira Najihah binti Abd Rashid
nurshahira_najihah @mps.gov.my

JURUFOTO
Pn. Anissapinah binti Mohd Dan
anissapinah.mohddan@mps.gov.my
En. Mohamad Khairun bin Roslan
mkhairun.roslan@mps.gov.my

DITERBITKAN OLEH
Jabatan Korporat
Majlis Perbandaran Selayang

TERBITAN
Setiap Bulan

e-ISSN
3030-5896

Penerbit tidak akan bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran hak cipta dan masalah dari penerbitan ini. Sebarang maklum balas atau cadangan boleh dihantar kepada:

Jabatan Korporat
Majlis Perbandaran Selayang
Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan

No. Tel: 03 6126 5800
No. Faks: 03 6138 2728
E-mel: aduanmps@mps.gov.my
Talian Bebas Tol: 1800-222-677

Perhimpunan Bulanan Dan Amanat Tahun Baharu

KOMITMEN DAN KEBERSAMAAN WARGA MPS TONGGAK KECEMERLANGAN

AMANAT Tahun Baharu 2025 oleh YBrs. Tuan Shahman bin Jalaludin, Yang Dipertua MPS, menjadi inti pati utama Majlis Perhimpunan Bulanan MPS yang diadakan pada 27 Januari 2025 di Lobi Menara MPS. Dalam amanat beliau, Tuan YDP menegaskan bahawa komitmen padu, semangat kerjasama dan integriti tinggi dalam kalangan seluruh warga MPS amat penting untuk merealisasikan aspirasi membawa MPS ke tahap yang lebih cemerlang dan membanggakan. Beliau turut mengajak semua warga MPS supaya sentiasa melaksanakan amanah yang diberikan dengan penuh dedikasi bagi memperkukuh perkhidmatan kepada rakyat serta memacu pembangunan Selayang secara holistik

Selain itu, telah diadakan penyampaian Sijil Pengiktirafan kepada Kumpulan KIK MPS yang berjaya menyertai Anugerah Inovasi Negeri Selangor Tahun 2024 anjuran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, serta penyampaian hadiah kepada Pasukan Bola Jaring MPS yang memperoleh tempat ketiga dalam Pertandingan Bola Jaring anjuran Kelab Hulu Selangor.

Majlis yang dihoskan oleh Unit Integriti MPS ini turut menjadi platform untuk menyemarakkan semangat baharu di kalangan warga MPS dalam mendepani cabaran tahun 2025 dengan lebih berdaya saing.

TikTok

Sila imbas kod QR di atas untuk malayari tiktok Integriti MPS







Lebih 250 warga Selayang hadir memeriahkan

MAJLIS BACAAN YASIN & DOA SELAMAT ANJURAN MPS SEMPENA TAHUN BAHARU

SERAMAI lebih 250 orang telah menghadiri Majlis Bacaan Yasin dan Doa Selamat anjuran Majlis Perbandaran Selayang (MPS) sempena pembukaan tirai tahun baharu 2025 pada 9 Januari 2025 bertempat di Masjid Jamek Al-Amaniah, Batu Caves.

Acara dimulakan dengan Solat Maghrib berjemaah, diikuti dengan bacaan Yasin dan doa selamat yang dipimpin oleh Al-Fadhil Ustaz Habib bin Abdul Fisol, Pengurus Lembaga Tadbir Masjid Jamek Al-Amaniah. Selepas bacaan Yasin, majlis diteruskan dengan penyampaian sumbangan daripada pihak MPS, yang disempurnakan oleh YBrs. Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, Timbalan Yang Dipertua MPS, kepada pihak Masjid Jamek Al-Amaniah. Majlis diakhiri dengan Solat Isyak berjemaah dan jamuan makan.













MPS Sokong Aspirasi Negeri

MAJLIS AMANAT TAHUN BAHARU 2025

YBRS. Tuan Shahman bin Jalaludin; Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang, telah menghadiri Majlis Amanat Tahun Baharu 2025 yang disampaikan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor, pada 27 Januari 2025 (Isnin) bertempat di Auditorium Dewan Jubli Perak Bangunan Sultan Abdul Aziz, Shah Alam.

Turut hadir dalam Majlis Amanat ini adalah Yang Berhormat Dato' Setia Haji Haris Bin Kasim; Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi; Timbalan Yang Dipertua MPS, dif-dif terhormat, pengarah serta wakil daripada MPS secara bersemuka dan dalam talian.

YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor, telah turut menyampaikan insentif penghargaan kepada jabatan dan agensi pemungut hasil bagi prestasi kutipan hasil tahun 2024 dan melancarkan logo KitaSelangor 2.0.

KITASELANGOR









Terima Kasih YB Dato' Setia

YDP MPS Raikan Persaraan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

YBRS. Tuan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang, Tuan Shahman bin Jalaludin, hari ini telah menghadiri Majlis Clock Out terakhir bagi meraikan persaraan YB Dato' Setia Haji Haris Bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Tuan YDP juga telah berkesempatan menyerahkan album gambar Momen YB Dato' Setia bersama MPS sebagai tanda kenangan.

Seluruh warga Majlis Perbandaran Selayang mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan selamat persaraan buat YB Dato'. Semoga terus dikurniakan kesihatan dan keberkatan dalam fasa kehidupan yang baharu.





Hari bertemu pelanggan MPS

ADUAN & CADANGAN PENDUDUK DIDENGAR SECARA TERUS



PROGRAM ini bertujuan untuk memberi peluang kepada penduduk bagi menyuarakan sebarang aduan, cadangan atau pandangan, mendapatkan penjelasan berkenaan isu-isu berbangkit, serta menyelesaikan urusan berkaitan MPS secara terus dengan pihak pengurusan tertinggi.

Turut hadir dalam program ini ialah Ybrs. Tuan Shahman bin Jalaludin, Yang Dipertua MPS, Ybrs. Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, Timbalan Yang Dipertua MPS, Tuan Haji Azhar bin Samsuri, Penolong Setiausaha MPS; Tuan Ahmad Zahiri bin Zahid Sofian, Ahli Majlis MPS Zon 10; Tuan Mohd Montazeri bin Nordin, Ahli Majlis MPS Zon 11 bersama pengarah dan wakil jabatan MPS.





Kempen keselamatan jalan raya

KONGSI JALAN RAYA, TUNGGANG BERHEMAH

KEMPEN Keselamatan Jalan Raya 2025 anjuran Suzuki Malaysia dengan kerjasama Majlis Perbandaran Selayang telah diadakan pada 14 Januari 2025, bertempat di Dataran Ilmu, Bandar Baru Selayang.

Bertemakan 'Kongsi Jalan Raya, Tunggang Berhemah', kempen ini dianjurkan bersempena sambutan Tahun Baharu Cina untuk mengingatkan para pengguna jalan raya, khususnya penunggang motosikal, agar mengamalkan sikap berhemah di jalan raya demi mengelakkan kemalangan.

Pelbagai acara menarik turut diadakan, antaranya penukaran topi keledar secara percuma, pemeriksaan motosikal percuma oleh mekanik terlatih, serta pameran reruai oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah, Timbalan Menteri Pengangkutan.

Taklimat Kajian Awalan Due Diligence Akta 672 di MPS

MPS NILAI KESIAPSIAGAAN PELAKSANAAN AKTA PENGURUSAN SISA PEPEJAL





TAKLIMAT Kajian Awalan Due Diligence Bagi Pelaksanaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) di Majlis Perbandaran Selayang (MPS) telah diadakan bertujuan menilai kesiapan, kekangan, dan keperluan agar pelaksanaan akta ini dapat dijalankan secara efektif.

Sesi taklimat dan semakan dokumen yang berlangsung selama 4 hari ini diadakan bertempat di Bilik Anggerik, Menara MPS dan Bilik Siantan, Bangunan Lama MPS. Sesi lawatan tapak turut diadakan sepanjang taklimat ini berlangsung.

Aspek yang diberi penekanan Due Diligence adalah untuk memahami rangka undang-undang yang terpakai, termasuk Akta 672 dan undang-undang lain



Lawatan Penandaarasan MPS ke MP Kulim Kedah

FOKUS PENINGKATAN PRODUKTIVITI & TRANSFORMASI DIGITAL

MAJLIS Perbandaran Selayang dengan kerjasama Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah menyertai bengkel dan lawatan penandaarasan ke Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK) pada 15 - 17 Januari 2025. Lawatan dan bengkel ini bertujuan untuk memahami dan mempelajari amalan baik MPKK dalam menjalankan Inisiatif E10 Plus dengan menggunakan teknologi semasa termasuk AI dan Sistem Pangkalan Data Bersepadu Kulim (KIDs) untuk menambah baik proses kelulusan dan pengurusan projek. Seramai 27 orang kakitangan MPS telah menyertai lawatan dan bengkel ini. Delegasi MPS ini diketuai oleh Ybrs. Tuan Shahman bin Jalaludin, Yang Dipertua MPS.

Perkasa Ilmu Penyelenggaraan Bangunan

MPS KONGSI TATACARA & AMALAN TERBAIK

MAJLIS Perbandaran Hulu Selangor melalui Jabatan Kejuruteraan telah menganjurkan Bengkel Tatacara Kerja Penyelenggaraan Bangunan dan Garis Panduan Perlantikan Kontraktor Panel pada 20 Januari 2025 bertempat di Mercure Hotel Selayang.



Encik Hafizan bin Khamis, Ketua Unit Selenggara Bangunan, Majlis Perbandaran Selayang telah dijemput memberi penerangan berkaitan dengan selenggara aset dan bangunan majlis dalam bengkel ini.

Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk memberi panduan komprehensif mengenai kaedah penyelenggaraan aset bangunan majlis, tatacara pelaksanaan penyelenggaraan, serta garis panduan penggunaan kontraktor panel. Menerusi pelaksanaan bengkel ini diharapkan dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta dari segi penjagaan dan menyelenggara bangunan.





Bengkel SKU MPS

FOKUS PENILAIAN PENCAPAIAN & PENETAPAN SASARAN BAHARU

MAJLIS Perbandaran Selayang (MPS) telah menganjurkan Bengkel Pencapaian Sasaran Kerja Utama (SKU) 2024 dan Penetapan SKU 2025 pada 23 hingga 25 Januari 2025 di Hotel Hatten, Melaka.

Bengkel ini diadakan setiap tahun untuk memastikan setiap jabatan merangka perancangan kerja, termasuk program, projek, dan inisiatif sepanjang tahun 2025, yang selaras dengan peruntukan kewangan yang telah diluluskan. Selain itu, bengkel ini bertujuan untuk menilai pencapaian sasaran kerja tahun sebelumnya.

Bengkel ini juga bertujuan memastikan setiap jabatan atau unit melaksanakan projek, program, dan inisiatif yang selari dengan dasar utama Majlis, iaitu Matlamat Pembangunan Lestari (SDG), Rancangan Selangor Pertama (RS-1), dan MPS SMART City 2030.

Transformasi Digital Perkhidmatan Awam Diperkasa

MPS TINGKATKAN KECEKAPAN PENTADBIRAN MELALUI BENGKEL PENGGUNAAN AI

MAJLIS Perbandaran Selayang (MPS) melalui Jabatan Perancang Bandar telah menganjurkan Bengkel Penyediaan Senarai Semak Penggunaan Kecerdasan Buatan (AI) pada 28 Januari 2025 di Dewan Simfoni, Bukit Lagong.



Seramai 40 peserta dari pelbagai jabatan MPS terlibat, termasuk Jabatan Teknologi Maklumat, Jabatan Perlesenan, Jabatan Landskap, dan Jabatan Kejuruteraan.

Bengkel ini bertujuan memberikan pendedahan mengenai penggunaan teknologi AI untuk memperbaiki aliran kerja dan meningkatkan kecekapan pentadbiran MPS. Wakil jabatan turut membentangkan perancangan serta pelaksanaan gerak kerja berasaskan AI.



Melalui bengkel ini, diharapkan integrasi teknologi AI dapat mempercepatkan proses pengurusan bandar secara pintar, menyokong visi MPS ke arah membangunkan bandar moden dan mampan.

PROGRAM AHLI MAJLIS

Perkasa Kesihatan & Kefahaman Agama Anak-anak

PROGRAM JOM KHATAN PERDANA 2025

PROGRAM Jom Khatan Perdana 2025 yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Penduduk Zon 9 Majlis Perbandaran Selayang dengan kerjasama Surau Al-Hijrah Taman Industri Bolton telah diadakan pada 25 Januari 2025. Program ini melibatkan 50 orang kanak-kanak yang terdiri daripada pelbagai latar belakang yang berusia di bawah 13 tahun.

Program ini bertujuan untuk memberi peluang kepada kanak-kanak di Zon 9 MPS untuk menjalani proses khatan dalam suasana yang selesa dan teratur. Program ini tidak hanya berfokus kepada aspek kesihatan tetapi juga memberikan pendedahan mengenai kepentingan khatan dalam agama Islam.



Meraikan Tahun Baru Cina

AGIHAN BUAH LIMAU MANDARIN KEPADA PENIAGA DAN PENGUNJUNG PASAR

PENGAGIHAN Buah limau Mandarin Sempena Tahun Baru Cina 2025 oleh Puan P.Mariammal a/p S. Ponnusamy kepada pengunjung dan peniaga pasar di Pasar Bandar Country Homes telah diadakan pada 26 Januari 2025.

Sekalung penghargaan kepada semua yang turut serta membantu dan menjayakan program agihan buah limau ini, semoga Tahun Baru Cina tahun 2025 ini dapat memberikan kebahagian dan kemakmuran kepada masyarakat bersama.





AHLI MAJLIS MPS MENYANTUNI PENDUDUK

ZIARAH PRIHATIN DAN TINJAUAN INFRASTRUKTUR DI ZON 3 MPS

TUAN Haji Mazlan bin Musa, Ahli Majlis MPS menyantuni salah seorang penduduk dari kawasan Zon 3 yang telah kehilangan suami akibat kemalangan jalan raya.

Sumbangan ini bagi meringankan sedikit beban kepada keluarga mangsa dan juga merupakan inisiatif penting untuk memastikan kebajikan masyarakat di bawah zon Ahli Majlis agar terus dipelihara.

Tuan Haji Mazlan turut berkesempatan melawat sekitar Taman Berlian dan Taman Sahabat bagi meninjau keadaan saluran longkang yang perlu diselenggara dan dipulih baik bagi mengelakkan kawasan tersebut dinaiiki air sewaktu musim hujan.





Ringankan Beban, Eratkan Ukhuwah

BANTUAN MANGSA BANJIR SRI KUNDANG & TAMAN RAHMAT JAYA

SESI penyerahan sumbangan oleh Tuan Saharudin bin Abu Bakar, Ahli Majlis MPS kepada 163 orang mangsa banjir yang berlaku di Kampung Melayu Sri Kundang dan Taman Rahmat Jaya pada Oktober yang lalu telah disempurnakan pada 4 Januari 2025 bertempat di Dewan JPKK Kampung Melayu, Sri Kundang, Rawang.

Turut sama dalam menyampaikan sumbangan, YB Tuan William Leong, Ahli Parlimen Selayang.

Terima kasih diucapkan kepada Tuan Saharudin dan semua pihak yang terlibat. Semoga dengan bantuan yang diterima dapat meringankan sedikit beban kepada mangsa-mangsa banjir.





MPS Tegas Banteras Jualan Mercun Tanpa Permit

216 UNIT MERCUN DISITA DI TAMAN SELAYANG JAYA

MAJLIS Perbandaran Selayang (MPS) melalui Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan telah mengadakan operasi sitaan bertempat di Jalan Selayang Jaya 14 dan Jalan Selayang Jaya 4, Taman Selayang Jaya pada 20 Januari 2025.

Operasi ini melibatkan penjaja yang menjual mercun tanpa permit perniagaan yang sah. Antara barangan yang disita termasuk 10 unit pop pop, 54 unit boom flower, 21 unit boom banana, 69 unit boom pili, 26 unit boom ground, dan 36 unit happy boom. Tindakan sitaan di bawah Akta Undang-undang Kecil Penjaja MPS 2007 (UKK3) telah diambil terhadap penjaja yang gagal mematuhi undang-undang berkenaan permit perniagaan dan penjualan barangan yang dikawal.

MPS ingin mengingatkan semua pemilik perniagaan supaya mematuhi syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan untuk mengelakkan tindakan tegas diambil.









OPERASI BERSEPADU TINDAKAN KE ATAS WARGA ASING DI KAWASAN MPS





MAJLIS Perbandaran Selayang (MPS) dengan kerjasama Jabatan Imigresen Malaysia telah menjalankan operasi serbuan terhadap beberapa buah premis yang dihuni oleh warga asing di sekitar kawasan pentadbiran MPS pada 21 Januari 2025.

Seramai 112 orang anggota telah terlibat dalam operasi ini dan MPS telah mengambil tindakan iaitu 3 sitaan serta 6 kompaun atas kesalahan di bawah akta UUK 3 Undang2 Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MPS) 2007, UUK 27 (2), Undang-Undang Kecil Establisymen Makanan (MPS) 2007 (Meletakkan bahan mentah di atas lantai kurang dari 20 cm), UUK 8(5) Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan (MPS) 2007 (Tidak memakai topi dan apron), Kompaun UUK 20 Undang-Undang Establisymen Makanan (MPS) 2007 (Melepaskan effluent).

Jabatan Imegresen Malaysia (Putrajaya) juga telah melaksanakan pemeriksaan dan tangkapan sebanyak 20 orang warga asing yang terlibat dalam kegiatan perniagaan tanpa permit.





مجلس perbandaran selayang
Majlis Perbandaran Selayang

SILA JELASKAN

CUKAI TAKSIRAN TAHUN 2025

SEBELUM 28 FEBRUARI 2025

SEMAKAN DAN BAYARAN

myMPS
layari: mymps.mps.gov.my

CENDERAHATI
Tong Sampah MGB 80 Liter untuk bayaran setahun 2025





*Gambar ini hanya ilustrasi sahaja
*Tertakluk terma dan syarat

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

T 603-6126 5800 F 603-6138 8933

W www.mps.gov.my E aduanmps@mps.gov.my TF 1800-222-677

mpselayang

e-ISSN 3030-5896